

**Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini
Agenzi Kelayakan Malaysia (MQA)**

**Permohonan Pengemaskinian Maklumat Program Badan Profesional oleh
PPT**

[Surat Makluman MQA Bil. 13/2025 bertarikh 12 Ogos 2025]

Ringkasan ketetapan

- i. Permohonan pengemaskinian maklumat program kepada Badan Profesional (BP) berkaitan dan disalinkan kepada MQA serta Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (JPT, KPT) akan berkuat kuasa pada **12 Ogos 2025**.
- ii. MQA melalui Mesyuarat Kajian Semula Dasar Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 1 Tahun 2025 telah bersetuju untuk menyelaraskan proses pengemaskinian maklumat program BP.
- iii. PPT perlu membuat permohonan pengemaskinian maklumat program seperti di bawah kepada BP berkaitan dan disalinkan kepada MQA serta JPT, KPT:
 - a. Perubahan kurikulum program;
 - b. Perubahan maklumat program;
 - c. Pemindahan perakuan akreditasi program ke premis baharu;
 - d. Penilaian pengendalian program di premis tambahan atau premis program pesisir;
 - e. Penilaian pusat wilayah program *Open and Distance Learning* (ODL);
 - f. Pelanjutan tempoh perakuan akreditasi; dan
 - g. Pengecualian atau semakan kelayakan masuk pelajar.
- iv. Bagi perkara (a) dan (b) di atas, PPT perlu mengemukakan permohonan kelulusan terhadap perubahan maklumat program kepada JPT, KPT selepas mendapat surat keputusan daripada BP yang berkaitan.
- v. Selain itu, Mesyuarat Kajian Semula Dasar Jaminan Kualiti KPT-MQA Bil. 1 Tahun 2025 turut memutuskan bagi permohonan penilaian Mata Pelajaran Umum (MPU) dan pelanjutan Akreditasi Sementara program BP, permohonan tersebut perlu dikemukakan kepada MQA.
- vi. Maklumat berkaitan seperti yang diterangkan di atas boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

Tindakan di peringkat UPM

- vii. Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik (BAKD), Sekolah Pengajian Siswazah (SPS), Fakulti Pertanian, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Perubatan Veterinar, Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina, Fakulti Pengajian Pendidikan atau PTJ lain yang mempunyai program di bawah BP

perlu merujuk kepada ketetapan ini untuk pelaksanaan dan pematuhan terhadap ketetapan terkini MQA.

- viii. Carta alir bagi pelaksanaan perkara (iii) adalah seperti di **Lampiran E1**.

Disediakan oleh:

Pusat Jaminan Kualiti (CQA)

Pejabat Naib Canselor

Universiti Putra Malaysia

4 September 2025